

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai insurans hayat anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya**. LLP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 30 tahun yang tidak merokok



Tarikh: 1 Jan 2026

1 Apakah Super Wealth Plan?

Super Wealth Plan menyediakan perlindungan terhadap Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) selama **50** tahun. Selain itu, produk ini juga disertakan dengan pembayaran tunai dijamin (GCP) dan manfaat kematangan.

2 Kenali Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 23,160.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan** insurans hayat berikut:

Manfaat Kematian / HUKK	RM 500,000
Manfaat GCP	RM 50,000 dibayar mulai tahun polisi ke-6 dan setiap 3 tahun polisi selepas itu
Manfaat Kematangan	RM 500,000

Nota:

- **Produk ini menyediakan pulangan tahunan terjamin sebanyak 0.66%, jika dipegang sehingga matang.**
- **Sila minta contoh kontrak daripada pengantara anda untuk senarai penuh mengenai terma dan syarat.**

Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk brosur PIDM TIPS atau hubungi Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Insurans hayat anda **mengecualikan**:

- Kematian - Jika disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun, hanya premium yang telah dibayar akan dibayar.
- HUKK - Keadaan perubatan yang anda alami, atau mengalami simptom, sebelum membeli pelan (iaitu penyakit sedia ada).

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk kepada polisi bagi butiran mengenai pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://mya.zurich.com.my/rdt/superwealthplan>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM 23,160.00 (tahunan)
Tempoh: 50 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Komisen	28.50% daripada premium atau RM 39,603.60 selama 6 tahun Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
Caj lain yang berkenaan	Cukai – Premium dan yuran tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan lain, jika berkenaan.

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Anda hendaklah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Lien Juvana akan diguna pakai untuk Manfaat Kematian atau HUKK sebelum mencapai umur 4 tahun.
- Tempoh Ihsan premium selama 31 hari dari tarikh tamat tempoh premium akan dibenarkan untuk pembayaran setiap premium.
- Pembayaran premium selepas tempoh ihsan premium mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa depan.
- Premium bagi pelan ini adalah terjamin. Premium adalah berdasarkan risiko standard. Terma dan kadar polisi mungkin berbeza bergantung pada syarat-syarat pengunderaitan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk polisi bagi senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi anda dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda dihantar kepada anda. Premium yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda, ditolak sebarang yuran perubatan yang dikenakan.
- **Pembatalan/Penyerahan:** Selepas Tempoh Bertenang, anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Kami akan bayar anda nilai tunai.

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (No. Pendaftaran 196801000442 (8029-A)) didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.